

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**JUMAAT 3 JANUARI 2020**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR                                                                                                 | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI                              |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|
| 1.  | MOA SEDIA BANTU PETANI, LAKUKAN PROSES PEMBENIHAN AWAN, NASIONAL, SH -14                                             | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)          |
| 2.  | SAWAH KERING: MOA AKAN SEGERA BATU - SALAHUDDIN, ASTRO AWANI -ONLINE                                                 |                                                             |
| 3.  | SALAHUDDIN: AGRICULTURE MINISTRY TO FAST-TRACK AID TO DROUGHT-HIT PADDY FARMERS IN PERLIS, KEDAH, MALAY MAIL -ONLINE |                                                             |
| 4.  | PETANI SYUKUR KERAJAAN SEDIA BANTU ALIRKAN AIR KE SAWAH DI PERLIS, ASTRO AWANI -ONLINE                               |                                                             |
| 5.  | 2 LELAKI PALA'U DICEKUP GUNA BOM IKAN, BH -ONLINE                                                                    | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)                            |
| 6.  | MAQIS RAMPAS AKAR KAYU DARI CHINA DI KLIA2, SINAR NEGERI SELANGOR, SH -30                                            | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 7.  | 50KG HASIL PERTANIAN TANPA DOKUMEN SAH DIRAMPAS, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -33                                       |                                                             |
| 8.  | MAQIS RAMAPS 50KG HASIL PERTANIAN, MAKANAN, BH -ONLINE                                                               |                                                             |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## MOA sedia bantu petani, lakukan proses pembenihan awan

**KANGAR** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bersedia menjalankan proses pembenihan awan bagi membantu golongan petani khususnya di kawasan sawah padi terjejas di sekitar Perlis dan Kedah.

Menterinya, Dato' Seri Salahuddin Ayub berkata, pihaknya telah menyediakan perunitukan bagi melakukan keadaan berkenaan dalam menangani masalah bekalan air di kawasan yang telah dikenal pasti.

Menurutnya, operasi pembenihan awan berjujuan menggalakkan turunan hujan dan akan dilakukan dengan kerjasama Jabatan Meteorologi.

“Sepautnya ia sudah boleh dilakukan, namun disebabkan ketidaaan awan yang sesuai menyebabkan operasi ini ditangguhkan,” katanya pada sidang media selepas lawatan kerja di petak sawah petani sekitar Bintang semalam.

Menurut Salahuddin, pihaknya akan membincangkan jalan penyelesaian lain agar tidak berlaku kerentahan birokrasi yang membebangkan petani.

“Insha-ALLAH untuk keputusan jangka panjang kita akan cuba lakukkan sistem perparitan yang lebih baik,” katanya.

Mengulas berkaitan pemberian baja, Salahuddin berkata, sebanyak 95 peratus petani sudah pun menerima bekalan manakala separuh lagi

sepautnya ia sudah boleh dilakukan, namun disebabkan ketidaaan awan yang sesuai menyebabkan operasi ini ditangguhkan.”  
- Salahuddin



Salahuddin (tiga dari kiri) berkesempatan meninjau kawasan sawah padi yang kering di Bintang semalam.

“Syukur alhamdulillah dengan apa yang kami dengar pada hari ini (semalam), Saya rasa sangat lega dan gembira,” katanya.

Terdahulu, pada 29 Disember, *Sinar Harian* melaporkan seluas 496 hektar kawasan tanaman padi di kawasan Paya dan Jejawi mengalami kerugian teruk akibat sistem pengairan yang tidak sempurna.

Sementara itu, seorang petani, Khalid Sabu, 64, berharap kementerian melunaskan janji kepada petani bagi membolehkan mereka terus dapat menikmati hasil padi.

Bagi Shamsuri Saad, 45, pula berkata, kedatangan menteri ke kawasan tersebut diharap ada sinar baharu terhadap golongan tersebut.

| TARIKH          | MEDIA              | RUANGAN       | MUKA SURAT |
|-----------------|--------------------|---------------|------------|
| <b>3/1/2020</b> | <b>ASTRO AWANI</b> | <b>ONLINE</b> |            |

## Sawah kering: MOA akan segera bantu – Salahuddin



Datuk Seri Salahuddin Ayub meninjau keadaan sawah kering akibat musim kemarau yang melanda Perlis dan Kedah ketika mengadakan lawatan kerja ke Projek Tebatan Banjir (RTB) di Bintong dan Projek Tanaman Padi di Sempering hari ini. - Foto BERNAMA

**KANGAR:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan segera membantu petani di Perlis dan Kedah yang menghadapi masalah sawah kering, akibat musim kemarau yang melanda negeri terabbi.

Menterinya Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata pihaknya sedia memberikan bantuan dan pertolongan, termasuk menyelaras kerja-kerja pengairan di Perlis bersama Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS).

"Kita mengambil serius perkara ini dan akan mengadakan perbincangan bagi mengatasi masalah ini, termasuk mengurangkan kerentak birokrasi agar ia dapat segera diselesaikan," katanya kepada pemberita ketika mengadakan lawatan kerja ke Projek Tebatan Banjir (RTB) di Bintong dan Projek Tanaman Padi di Sempering dekat sini pada Khamis.

Salahuddin berkata pihaknya turut mengarahkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dengan kadar segera untuk mengeluarkan peruntukan, bagi membantu petani yang terjejas dengan membekalkan minyak petrol, bagi kerja-kerja mengepam air ke petak sawah.

Katanya pihak MoA juga akan melakukan kajian mengenai kerugian yang dialami petani, dan akan mengumumkan langkah dan bantuan yang sesuai, dalam masa terdekat agar dapat meringankan beban petani yang terjejas.

Sementara itu, Salahuddin berkata pihaknya bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah membuat perancangan awal, bagi menghadapi masalah kemarau dua negeri tersebut dengan menyediakan peruntukan khas, bagi melakukan pembenihan awan, di kawasan pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Kita diberi nasihat agar tidak melakukan pembenihan awan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia berikutan keadaan awan yang tidak sesuai buat masa ini, dan kita akan tunggu masa yang sesuai, untuk menyelesaikan masalah dihadapi petani di kawasan MADA di Kedah dan Perlis," katanya.

"Diharapkan hujan akan turun dalam masa terdekat, bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi petani agar ianya tidak menjelaskan tanaman dan pendapatan mereka," katanya.

Media sebelum ini melaporkan petani di Perlis dan Kedah menghadapi masalah sawah kering, berikutan kemarau yang melanda utara semenanjung Malaysia, yang melibatkan kira-kira 100,000 hektar kawasan sawah.

-- BERNAMA

| TARIKH   | MEDIA         | RUANGAN | MUKA<br>SURAT |
|----------|---------------|---------|---------------|
| 3/1/2020 | MALAY<br>MAIL | ONLINE  |               |

## Salahuddin: Agriculture Ministry to fast-track aid to drought-hit paddy farmers in Perlis, Kedah



Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub visits a drought-stricken paddy field in Sempering near Kangar January 2, 2020. — Bernama pic  
KANGAR, Jan 2 — The Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MoA) will be speeding up assistance to help paddy farmers in Perlis and Kedah following the early onset of drought in the two states.

Its Minister, Datuk Seri Salahuddin Ayub, said the ministry was prepared to render whatever assistance including coordinating irrigation in Perlis with the Water, Land and Natural Resources Ministry (KATS).

"We take the matter very seriously and will hold discussions to overcome the problems including cutting out bureaucracy so that they are addressed," he told reporters during a visit to the Flood Mitigation Project at Bintong and Paddy Planting project in Sempering near here today.

Salahuddin said his ministry would also direct the National Farmers Organisation (Nafas) to quickly release allocations to affected farmers by providing petrol aid to pump water into paddy fields.

He said MoA would also be conducting a study on the losses suffered by farmers and would take measures soon to lighten the burden of the affected farmers.

A paddy farmer, Othman Dad, 60 said he was pleasantly surprised to see the minister going to the ground to look at the problems faced by the people.

"At the dialogue session, the Minister (Salahuddin) pledged to help farmers and carry out measures to overcome the problem by coordinating irrigation works," he told Bernama.

He said if the matter prolong, it would bring great losses to farmers who depended on their crops as main source of income to support their families.

"If the government did not help, who would help us. I am working on a seven-hectare paddy farm and had spent RM40,000 as capital and this is not including debts which need to be paid such as rent and fertiliser," he said.

Sharing his views was Hamuri Dan, 45 who said he was grateful with MoA via Nafas to provide petrol aid to pump water in the paddy fields.

The media has earlier reported farmers in Perlis and Kedah were facing dry paddy fields following drought in northern Peninsular Malaysia involving about 100,000 hectares of paddy fields. — Bernama

| TARIKH          | MEDIA              | RUANGAN       | MUKA SURAT |
|-----------------|--------------------|---------------|------------|
| <b>3/1/2020</b> | <b>ASTRO AWANI</b> | <b>ONLINE</b> |            |

## Petani syukur kerajaan sedia bantu alirkan air ke sawah di Perlis



kepada kami.

Pesawah amat bergantung kepada tanaman padi sebagai punca pendapatan utama menyara keluarga. -Gambar hiasan  
**KANGAR:** Pesawah di kawasan Bintong dan Sempering dekat sini menarik nafas lega dan bersyukur selepas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang melawat kawasan tersebut pada Khamis memberi jaminan akan memandang serius masalah sawah kering yang berlaku dan bersedia memberikan bantuan.

Seorang pesawah Othman Dad, 60, berkata beliau kagum atas keprihatian Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, yang sanggup turun padang bagi meninjau sendiri masalah yang dihadapi rakyat. "Semasa sesi dialog bersama Menteri (Salahuddin), beliau berjanji untuk membantu para petani dan mencari jalan, bagi mengatasi masalah ini dengan menyelesaikan kerja-kerja pengairan, kerana jika perkara ini berlanjut ia akan mendatangkan kerugian besar

"Kalau kerajaan tak bantu, siapa nak bantu kami (pesawah), saya usahakan tujuh hektar padi dan telah mengeluarkan modal RM40,000, dan itu tidak termasuk hutang yang perlu dibayar, seperti kos sewa dan baja," katanya kepada *Bernama* di sini pada Khamis.

Othman berkata petani atau pesawah di sini amat bergantung kepada tanaman padi sebagai punca pendapatan utama menyara keluarga.

Turut berkongsi pendapat yang sama, Hamuri Dan, 45, berkata beliau bersyukur dengan tindakan MoA menerusi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) bersedia menghulurkan bantuan awal berupa minyak petrol untuk mengepam air ke petak sawah.

Katanya MoA juga bersedia untuk membina parit jejari dan menyediakan pam, bagi memudahkan pengaliran air masuk ke dalam kawasan sawah padi.

Terdahulu Salahuddin bersama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang meninjau dua kawasan padi, yang dilaporkan kering kontang akibat musim kemarau di kawasan Bintong dan Sempering.

Sebelum ini, dilaporkan lebih 300 pesawah mengalami kerugian teruk akibat air tidak masuk ke dalam sawah yang menjaskan lebih 400 hektar di sini (Perlis).

-- BERNAMA

| TARIKH   | MEDIA            | RUANGAN | MUKA<br>SURAT |
|----------|------------------|---------|---------------|
| 3/1/2020 | BERITA<br>HARIAN | ONLINE  |               |

## 2 lelaki Pala'u dicekup guna bom ikan



SEMPORNA: Dua lelaki suku Pala'u ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) kerana menangkap ikan menggunakan bahan letupan di perairan Semporna di sini, malam tadi.

Dua suspek berusia 20 dan 40 tahun itu yang menggunakan perahu jenis bot pam ditahan ketika sedang leka menjalankan aktiviti mengebor ikan di perairan berkenaan pada jam 9 malam.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali, berkata siasatan awal mendapati suspek yang tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah, mengaku menetap di Kampung Labuan Haji, Pulau Bum-bum.

"Pemeriksaan dalam ruang perahu dinaiki suspek menemui lebih 20 kilogram ikan pelbagai jenis yang disyaki ditangkap menggunakan kaedah letupan," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Mohamad Pajeri berkata, tangkapan bersama rampasan termasuk sebuah bot pam dan enjin sangkut dianggarkan berjumlah RM8,000 dibawa ke Pangkalan Operasi PPM Semporna untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 26 (1)(c) Akta Perikanan 1985 dan jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM20,000 selain penjara maksimum dua tahun.

| TARIKH   | MEDIA        | RUANGAN               | MUKA SURAT |
|----------|--------------|-----------------------|------------|
| 3/1/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI SELANGOR | 30         |

## Maqis rampas akar kayu dari China di KLIA2

**PUTRAJAYA** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 40 kilogram akar kayu dari China di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) pada awal tahun baru kerana tidak memiliki dokumen yang sah.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, akar kayu yang cuba dibawa masuk oleh seorang lelaki dari China itu ditemui semasa pemeriksaan mesin pengimbas pada jam 12.30 tengah malam kelmarin.

Menurutnya, individu yang membawanya gagal mengemukakan dokumen yang sah seperti permit import yang dikeluarkan oleh Maqis dan sijil

fitosanitasi dari negara asal.

“Semua akar kayu yang dibawa masuk bagi tujuan perubatan tradisional itu dirampas untuk tindakan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tarmisal berkata, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit sah Maqis adalah kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11 (3) akta yang sama.

Katanya, Maqis akan sentiasa memastikan hasil yang dibawa masuk ke dalam negara adalah bebas daripada sebarang ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar. - Bernama

## 50kg hasil pertanian tanpa dokumen sah dirampas

**KOTA BHARU** - Cubaan dua lelaki warga Bangladesh membawa masuk hasil pertanian dan makanan termasuk kubis dan terung tanpa dokumen sah ke negara ini gagal apabila berjaya dikesan pihak berkuasa di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) di sini kelmarin.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan, Mohd Azam Yahya berkata, pihaknya dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah menjalankan siasatan terhadap kedua-dua individu terlibat yang berusia 50-ari di balai ketibaan lapangan terbang tersebut pada jam 8.50 pagi.

"Hasil pemeriksaan bagasi melalui mesin pengimbas didapati mereka membawa pelbagai jenis hasilan pertanian dan makanan yang diletakkan di dalam bagasi masing-masing.

"Antara komoditi yang dirampas ialah kubis, bunga kubis, cili padi, terung, lobak putih, bunga bawang dan ikan masin dengan nilai rampasan dianggarkan RM500," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mohd Azam berkata, walaupun ia dipercayai untuk kegunaan sendiri namun hasil rampasan seberat 50 kilogram (kg) tersebut tanpa dokumen sah seperti permit import dan sijil fitosanitasi dari negara asal itu tetap menjadi kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhid-



Antara barang yang dirampas Maqis dan kastam di LTSIP kelmarin.

matan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Beliau berkata, sepanjang operasi tiga bulan terakhir tahun lalu, Maqis telah berjaya merampas 1,000kg hasilan pertanian dan makanan dianggarkan bernilai RM3,000 yang cuba dibawa masuk ke Malaysia.

"Kes terbabit melibatkan penumpang dari Bangladesh (empat kes), Kemboja (tiga) dan masing-masing satu dari China serta Australia," katanya.

| TARIKH   | MEDIA         | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------------|---------|------------|
| 3/1/2020 | BERITA HARIAN | ONLINE  |            |

## MAQIS rampas 50kg hasil pertanian, makanan



KOTA BHARU: Pelbagai hasil pertanian dan makanan seberat 50 kilogram (kg) yang cuba dibawa masuk tanpa permit oleh dua lelaki warga Bangladesh dirampas di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), di sini, kelmarin.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kelantan, Mohd Azam Yahya, berkata dalam kejadian jam 8.50 pagi itu, pihaknya menjalankan pemeriksaan bersama pegawai kastam terhadap dua lelaki terbabit yang kedua-duanya berusia 50-an di balai ketibaan. Katanya, hasil pemeriksaan bagasi melalui mesin pengimbas mendapati mereka membawa pelbagai jenis hasil pertanian dan makanan seperti kubis bunga, cili padi, terung, lobak putih, bunga bawang dan ikan masin.

"Hasil soal siasat mendapati semua barang makanan berkenaan dibawa daripada negara asal mereka untuk kegunaan sendiri.

"Hasil pertanian dan makanan terbabit dirampas kerana tiada sebarang dokumen yang sah seperti permit import dan sijil Fitosanitasi daripada negara asal.

"Tujuan larangan mengimport serta membawa masuk hasil pertanian menerusi laluan udara adalah bagi menghalang perosak yang dibawa masuk dari negara luar kerana jika terdapat bahan tercemar ia boleh memberi kesan terhadap kesihatan dan industri negara," katanya menerusi kenyataan hari ini.

Mohd Azam berkata, berdasarkan rekod, sepanjang operasi tiga bulan terakhir pada 2019, pihak MAQIS merampas 1,000 kg hasil pertanian dan makanan yang dianggarkan bernilai RM3,000 yang dibawa masuk ke negara ini.

Katanya, kes terbabit membabitkan penumpang dari Bangladesh sebanyak empat kes, Kemboja (tiga kes) dan masing-masing satu kes dari China dan Australia.

"Perbuatan mengimport tanpa permit yang sah daripada MAQIS adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"MAQIS bertanggungjawab memastikan tiada penyakit dan risiko kemasukan perosak serta keselamatan makanan selain akan terus komited dalam membanteras aktiviti penyeludupan hasil pertanian," katanya.